

# Mahkamah tangguh putusan perlantikan Undang Luak Jelebu sah atau tidak

KUALA LUMPUR 15 Julai — Mahkamah Persekutuan hari ini menangguhkan keputusannya sama ada Mahkamah Tinggi Seremban berkuasa menentukan sah atau tidak perlantikan Undang Luak Jelebu, Datuk Musa bin Wahab.

Ketua Hakim Negara, Tun Suffian Hashim yang bersidang dengan empat orang hakim Persekutuan berkata hari ini perkara ini sangatlah mustahak berkenaan dengan perlantikan jawatan Undang di Negeri Sembilan.

Kata Tun Suffian: "Mahkamah tidak pernah memikirkan masalah yang begini rumit, dan terpaksa memikirkannya dengan mendalam sambil mengamati kesemua hujah yang dikemukakan oleh kedua pihak yang terlibat."

"Jika keputusan itu siap nanti, kami akan isytiharkan di mahkamah ini," katanya lagi.

Hakim Datuk Abdul Hamid bin Haji Omar memutuskan mahkamah mempunyai kuasa untuk membicarakan seorang Undang di atas nama perbadinya.

Mahkamah Tinggi Seremban itu juga memutuskan bahawa Undang tidak ditakrifkan sebagai pemerintah di Negeri Sembilan, di Dewan Keadilan dan Undang tidak diberi kuasa menentukan sebarang pertikaian berhubung dengan perlantikan Undang.

Undang Luak Jelebu ke-15 itu telah merayu ke Mahkamah Persekutuan setelah Mahkamah Tinggi Seremban menolak permohonannya dilakukannya pada 3 April lepas.

Undang Luak Jelebu Datuk Musa bin Wahab bersama Datuk Menteri Othman bin Baginda melalui peguam mereka Encik Ariffin Jaka

menghujah bahawa mahkamah tidak berkuasa melayani dan membicarakan kes perlantikan Undang tersebut kerana ia menyentuh adat Melayu di Negeri Sembilan.

Responden dalam raya ini, Datuk Embi Syed Alwi bin Syed Idrus, telah mengemukakan saman menuntut supaya perlantikan Undang Luak Jelebu yang baru pada 4 Februari lepas sebagai tidak sah, tidak berkesan atas sebab-sebab melanggar adat, undang-undang dan perlembagaan Luak Jelebu.

Datuk Ombi Syed Alwi diwakili oleh peguam Abdul Razak bin Ahmad sementara Penasihat Undang-Undang Negeri, Encik Razali Hassan sebagai pemerhati bagi pihak kerajaan negeri.

Tun Suffian menyatakan jika mahkamah berpendapat Mahkamah Tinggi Seremban berkuasa menentukan sah atau tidak perlantikan Undang itu, perbicaraan akan dijalankan di Seremban dengan secepat mungkin, sebaliknya jika mahkamah berpendapat ianya tidak ada kuasa maka sebarang perbicaraan tidak akan diadakan.

Pagi ini peguam N. Ramachandran mewakili pihak perayu dengan dibantu oleh peguam-pegawai Ariffin Jaka dan Joseph Chia mengemukakan kira-kira 18 alasan rayuan.

Antaranya ialah bahawa hakim Mahkamah Tinggi itu silap dari segi

undang-undang apabila ia memutuskan mahkamah mempunyai bidang kuasa mendengar dan menentukan sah atau tidak perlantikan Undang Luak Jelebu itu.

Hakim itu juga tersilap kerana menolak permohonan perayu untuk mengenepikan tuntutan saman yang dikemukakan ke atas Undang itu oleh Datuk Ombi Syed Alwi, kata Encik Ramachandran.

Telah dihujahkan di Mahkamah Tinggi bahawa mahkamah tidak berkuasa melayani dan membicarakan kes perlantikan Undang kerana Undang tidak boleh disaman kerana ia hanya ditakrifkan sebagai pemerintah Negeri Sembilan di bawah perenggan (2) Artikel 181 Perlembagaan Persekutuan.

Peguam Abdul Razak Ahmad menghujah bahawa pertikaian perlantikan Undang itu berpunca dari adat di Luak Jelebu.

"Adat itu tidak mempunyai undang-undang yang sedia tertulis, mengenai bagaimana caranya Undang Luak Jelebu ke-15 itu harus dilantik."

"Pertikaian itu telah diselesaikan setelah menerima restu dari Dewan Keadilan," kata peguam itu.

Encik Razak menyatakan Dewan Keadilan itu hanya boleh memberikan nasihat berhubung dengan pertikaian tetapi ianya tidak mempunyai kuasa melantik sebarang Undang.